



Oleh: DR. SHAHRIUL NAZMI SAMNUSI
Pensyarah Kanan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
e-mel: nazmy@ukm.edu.my

Ringgit menjunam lagi... “SEE YOU AT FIVE”

Situasi kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham ketika ini dilihat sebagai satu aktiviti normal terutamanya bagi sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka seperti Malaysia. Keadaan ini disebabkan tahap bergantung aktiviti perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara lain. Malaysia tidak boleh lari daripada menerima tempias akibat kemurungan ekonomi yang kebiasaannya berlaku dalam putaran sekali dalam tempoh 10 tahun ini.


Kemelut Politik

Berbeza dengan krisis ekonomi yang melanda negara pada tahun 1998, kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham ketika ini berlaku disebabkan pelbagai faktor yang wujud secara serentak. Antara faktor utama ialah kejatuhan harga komoditi, ketidakstabilan politik yang menimbulkan persepsi negatif dan juga spekulasi kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat. Tidak dapat dinafikan kekeliruan yang kini masih timbul akibat transaksi beberapa firma berkaitan kerajaan yang melibatkan pelaburan bernilai berbilion ringgit telah menimbulkan kebimbangan serius kalangan pelabur. Walaupun pihak kerajaan telah memberi komitmen akan penyelesaian masalah ini, kesannya hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa panjang.

Harga Komoditi

Selain itu, Malaysia juga terpaksa berhadapan dengan kejatuhan ketara barangan eksport utama seperti minyak sawit dan petroleum di pasaran antarabangsa yang kini sekali gus mengurangkan pendapatan negara. Berbeza dengan krisis ekonomi yang melanda tahun 1998 yang ketika itu menyaksikan harga komoditi minyak sawit meningkat di pasaran antarabangsa. Sedangkan yang berlaku kini kemerosotan hampir semua barangan komoditi eksport utama negara ketika ini telah menimbulkan kebimbangan akan berlakunya pendapatan serta lebih dagangan semasa negara. **A**

Menyingskap kembali situasi krisis ekonomi yang pernah melanda negara khususnya pada tahun 1998 dan 2008 lalu, jelas menggambarkan betapa getirnya penderitaan rakyat negara ini yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran. Masalah kenaikan harga barangan terutamanya yang diimport, kenaikan kadar faedah pinjaman, penutupan syarikat, pemberhentian pekerja serta kejatuhan nilai pasaran modal negara sering kali menghiasi landskap krisis kewangan yang semakin membengkak.



Situasi ini seiring dengan putaran kemelut ekonomi setiap sekali dalam tempoh 10 tahun. Krisis ekonomi besar yang direkodkan sekitar 1977, 1987, 1998, 2008 lalu jelas menunjukkan bahawa kitaran hayat sesebuah ekonomi itu akan mencapai tahap turun naik setiap tempoh sedekad.

Namun kejatuhan mata wang ringgit berbanding mata wang utama dunia yang berlaku sejak awal tahun ini seakan mengejutkan kalangan pakar ekonomi. Masakan tidak, ia kini mulai mencengkam kebanyakan negara, berlaku lebih awal daripada apa yang dijangka. Yang pasti, rakyatlah yang paling terkesan akibat pergolakan nilai mata wang semasa yang sukar dijangka ini.

Malah ketika rencana ini ditulis, nilai mata wang ringgit terus menjunam sekitar RM4.15 berbanding dolar Amerika dan RM3.05 berbanding dolar Singapura. Manakala indeks

FTSE Bursa Malaysia KLCI berlegar sekitar 1,550 mata. Ia sekali gus telah mengundang pelbagai reaksi tentang keadaan ekonomi negara yang kita dengar sejak akhir-akhir ini. Nilai ringgit semakin hari makin jauh dari paras psikologi semasa dan ia semakin merosot berbanding mata wang asing utama dunia. Ramai yang sedang memerhati apa akan terjadi pada ringgit seterusnya. Adakah ringgit akan terus jatuh hingga RM5 berbanding dolar Amerika? Ada yang mengungkapkannya, “Ringgit, see you at five.”

Ungkapan sinis mengisrukan ruang untuk meredakan kekusaran hati rakyat. Namun sejauh mana rakyat terkesan dengan kejatuhan nilai ringgit? Dalam hal itu, yang pasti lebih terkesan ketika ini adalah mereka yang banyak menggunakan mata wang asing dalam urusan harian mereka. Ini termasuklah golongan peniaga yang banyak mengimport, golongan ibu bapa yang

menghantar anak belajar keluar negara sehinggalah kepada mereka yang kini membuat persiapan untuk menunaikan fardu haji. Masyarakat seluruh dunia ketika ini sedang berhadapan dengan situasi sama seperti ketika krisis ekonomi tahun 1998 lalu dengan menyaksikan turun naik melampau mata wang negara masing-masing dalam suasana tidak menentu.

Berdasarkan laporan daripada saluran berita perniagaan antarabangsa Bloomberg, ringgit bukanlah satu-satunya mata wang yang terjejas walaupun nilainya telah menyusut sekitar 30 peratus. Mata wang Rouble Rusia misalnya telah merosot sehingga 114 peratus pada pertengahan Ogos lalu. Rupiah Indonesia juga jatuh 51 peratus, Rupee India jatuh 38 peratus, Kroner Norway jatuh 37 peratus, Euro jatuh 20 peratus dan Baht Thailand susut 10 peratus berbanding dolar Amerika.



Economics - Growth

pg: 48-51

7 ul

KENAIKAN KADAR FAEDAH AS

Teka-teki berhubung keputusan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat untuk menaikkan kadar faedah menjelang akhir tahun sedikit sebanyak menyumbang kepada suasana panik dalam pasaran kewangan dunia yang berlaku ketika ini. Sekiranya benar, maka sudah pasti akan berlaku gelombang besar-besaran pengeluaran dana dari negara-negara membangun, untuk kembali semula kepada bank-bank di Amerika Syarikat kerana menawarkan faedah yang lebih tinggi untuk simpanan dalam bentuk dolar AS.

Pasaran kewangan Malaysia juga tidak terkecuali memandangkan negara ini banyak bergantung kepada modal asing untuk memajukan ekonominya. Keadaan ini terbukti dengan hampir 40 peratus modal pasaran bon negara ini didominasi oleh pelabur-pelabur asing sejak Jun lalu. Sekiranya benar, maka kita akan dapat melihat gelombang jualan oleh pelabur asing secara besar-besaran dalam pasaran bon yang akhirnya akan menekan nilai ringgit.

Maka, bagi mengetahui siapakah yang bakal untung atau sebaliknya kesan akibat penurunan nilai mata wang ringgit, terdapat beberapa persoalan perlu dinilai. Antaranya:

Adakah anda pembeli tegar dari laman web luar negara?

Sekiranya anda seorang peminat tegar membeli-belah semua barang di atas talian yang melibatkan transaksi dalam bentuk mata wang asing, terimalah akibatnya kerana anda bakal merasai kegawatan itu. Kirakira mudah, andaikan anda membeli pakaian atau aksesori berjenama daripada Amerika Syarikat yang berharga



AS\$1,000, harga yang perlu dibayar dalam ringgit Malaysia adalah sekitar RM3,300 awal tahun lalu. Namun kini, setelah berlaku penurunan nilai ringgit dan harga yang perlu dibayar sudah naik 30 peratus lebih tinggi iaitu sekitar RM4,100. Ini kerana, kos pembelian yang akan dilakukan dalam dominasi mata wang asing ketika ini telah meningkat sekitar 30 peratus berbanding mata wang tempatan sejak awal tahun ini.

Adakah anda merancang percutian ke luar negara?

Memilih bercuti ke luar negara ketika ini bukan waktu yang tepat kerana berhadapan dengan peningkatan kos. Mungkin, anda mampu memperoleh tiket penerbangan pada harga yang kompetitif, namun jangan lupa peningkatan kos apabila berbe-

lanja dalam bentuk mata wang asing di luar negara tetap ada. Dalam keadaan di mana ringgit susut kepada hampir semua mata wang asing utama dunia ketika ini, agak sukar untuk mendapatkan nilai tambah yang lebih sekiranya anda berbelanja di luar negara sama ada melalui tunai ataupun kad kredit. Ketika ini ringgit bukan sahaja susut berbanding dolar AS dan euro, tetapi juga berbanding mata wang negara destinasi kegemaran di kalangan rakyat Malaysia seperti Indonesia, Thailand, China dan juga Korea Selatan.


Adakah anda belajar di luar negara?

Masalah kenaikan sara hidup ekoran kejatuhan nilai ringgit bukan perkara baru bagi pelajar Malaysia di luar negara, sebelum ini hal tersebut pernah berlaku. Bagi pelajar Malaysia

di United Kingdom dan Amerika Syarikat misalnya, nilai elau yang diterima secara bulanan semakin hari makin menyusut nilainya. Keadaan ini sekali gus membebaskan pelajar dan penaja untuk terus bertahan dalam keadaan nilai ringgit yang semakin jatuh. Nilai purata bagi 1 pound sterling misalnya kini berlegar sekitar RM6.45, jauh lebih tinggi berbanding RM5.50 tahun lalu. Pelajar dan penaja antara pihak yang paling terkesan dengan kegawatan yang berlaku.

Adakah anda mengimport barang?

Jika anda tergolong dalam peniaga atau pengilang yang banyak bergantung kepada sumber import untuk dijual semula dalam negara ini, sungguh menyusutan nilai ringgit memberi impak yang besar. Ini kerana, kos be-



lian barangan import dalam dominasi mata wang asing secara langsung akan berubah mengikut kadar tukaran semasa. Dalam hal ini, industri automotif dan pengeluar jentera berat paling teruk terjejas akibat pengukuhan dolar berbanding ringgit kerana sebahagian besar komponen dalamannya datang dari luar negara seperti Jepun dan Jerman. Satu lagi yang harus kita ingat, harga runcit petrol dalam negara ini juga dijangka akan terjejas memandangkan sebahagian besar sumber petroleum bertapis dalam negara ini adalah bersumberkan dari import.

Adakah anda sering menggunakan mata wang asing?

Jika jawapan pada persoalan ini tidak, maka anda selamat. Ini kerana, sebagai rakyat yang tinggal dalam negara ini, kita sudah pasti dan banyak menggunakan mata wang ringgit untuk tujuan urus niaga harian. Namun jika anda menjawab, ya untuk soalan ini. Maksudnya anda berada dalam keadaan berisiko terutamanya bagi mereka yang tinggal di sempadan

Malaysia seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan juga Brunei. Sudah pasti golongan ini memerlukan sejumlah mata wang asing untuk memudahkan mobiliti dan urusan harian di sempadan.

Terdapat juga rakyat negara ini yang kerap ke negara sempadan di hujung minggu untuk membeli-belah atau mengunjungi sanak saudara. Keadaan ini sudah pasti memerlukan penggunaan mata wang asing lebih banyak berbanding ringgit, sesuai dengan negara yang dikunjungi.

Anda masih berada dalam situasi selamat jika tidak tergolong di dalam kumpulan yang melakukan aktiviti seperti dinyatakan tadi. Ringgit turun, tidak ada apa yang membimbangkan anda?

Realitinya, gaji masih dibayar dalam ringgit Malaysia dan anda tidak membeli barang keperluan dengan dolar Amerika.

Sebesar mana pendapatan yang diperolehi dan dibelanjakan, yang paling penting ketika ini bergantung kepada setakat mana kemampuan untuk menambah nilai bagi setiap wang yang dibelanjakan dalam suasa tidak menentu ini. **A**